

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' SRI LIOW TIONG LAI
KAWASAN : BENTONG
TARIKH JAWAB : 12.6.2014 (KHAMIS)
NO. SOALAN : 46

YB DATO' SRI LIOW TIONG LAI minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan jumlah pelaburan masuk (*Foreign Direct Investment*) dalam negara sejak lima tahun yang lalu dan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk meningkatkan nilai perdagangan dengan Negara China.

Jawapan:

Tuan Yang Dipertua,

Malaysia telah mencatat jumlah Pelaburan Langsung Asing (*Foreign Direct Investment-FDI*) yang diluluskan ke dalam negara sebanyak RM245.6 bilion bagi tempoh lima tahun (2009 – 2013). Daripada jumlah ini, RM136.8 bilion adalah dalam sektor perkilangan, RM56.5 bilion adalah dalam sektor perkhidmatan, manakala RM52.3 bilion adalah dalam sektor utama (*primary sector*).

Sehingga kini, sejumlah 288 projek yang melibatkan penyertaan syarikat China telah diluluskan dengan pelaburan berjumlah RM10.48 billion. Projek-projek ini dijangka mewujudkan sebanyak 36,492 peluang pekerjaan.

Nilai pelaburan dari China pada tahun 2012 dan 2013 masing-masing telah menyumbang sebanyak 9% dan 10% daripada keseluruhan jumlah pelaburan asing yang diluluskan dalam sektor pembuatan negara. Industri-industri yang mencatatkan pelaburan tinggi dari China adalah:

- mesin dan kelengkapan;
- kimia dan produk kimia;
- produk logam asas;
- produk elektrik dan elektronik; dan
- kelengkapan pengangkutan.

Negara China juga merupakan rakan dagang Malaysia yang utama dengan jumlah dagangan sebanyak RM208.43 bilion pada 2013, iaitu peningkatan sebanyak 12.5% dari tahun 2012.

Langkah-langkah yang sedang diambil oleh Kementerian untuk meningkatkan nilai perdagangan dengan China termasuk:

- mempromosikan produk-produk khusus seperti produk sarang burung yang boleh dimakan terus, perabot bernilai tinggi, produk makan diproses dan produk getah seperti sarung tangan dan tayar;

- mempromosikan aktiviti perkhidmatan dalam bidang animasi dan perisian, alam sekitar seperti pengurusan bahan buangan (waste management), teknologi hijau, kecekapan tenaga, francais dan pereka dalaman untuk pangsapuri mewah;
- memberi tumpuan kepada promosi eksport produk Malaysia ke *2nd Tier Cities* di China seperti Chengdu dan Nanning;
- memanfaatkan tumpuan negara China kepada teknologi hijau serta dasar perancangan masa hadapan mereka terhadap persekitaran hijau dengan mempromosikan syarikat-syarikat Malaysia yang menyediakan perkhidmatan berkaitan seperti pelepasan sisa air dan industri kitar semula kecekapan tenaga serta rawatan sisa air;
- memanfaatkan pusat perdagangan dan pengedaran barangan diimport dari negara ASEAN di China dengan memastikan produk Malaysia dipromosikan di pusat tersebut;
- memanfaatkan peluang mempromosi dan mengeksport barangan dan perkhidmatan Malaysia melalui Perjanjian Perdagangan Bebas ASEAN-China (ACFTA);
- mengenalpasti dan bekerjasama dengan pengeksport utama dan syarikat-syarikat Malaysia di negara China dalam mempromosikan barangan dan perkhidmatan Malaysia di China;

- menjadikan Hong Kong sebagai pintu masuk ke negara China dengan menghubungkan pengeksport Malaysia dengan syarikat-syarikat Hong Kong untuk eksport ke China;
- meningkatkan aktiviti francais di China; dan
- menjenamakan Malaysia melalui Program Dapur Malaysia (*Malaysia Kitchen Programme*).

Lawatan rasmi YAB Perdana Menteri ke China baru-baru ini dari 26 Mei hingga 1 Jun 2014, telah membuktikan hubungan ekonomi dua-hala Malaysia-China yang terjalin sejak 40 tahun dahulu semakin kukuh dan erat. Kedua-dua negara semakin membangun, saling menghormati dan memahami serta berkeyakinan untuk terus mempertingkatkan serta melestarikan kerjasama ekonomi antara satu sama lain. Hubungan ekonomi ini akan terus meningkat lebih tinggi menjelang tahun 2020.